

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT  
NAWI [ TUMPAT ]**

**SOALAN NO. 427**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha bagi memupuk nilai ketatanegaraan di peringkat sekolah dan universiti awam (UA) yang semakin terhakis di kalangan anak muda hari ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka program-program yang bersifat holistik dan memberi penekanan terhadap aspek perpaduan, patriotisme dan jati diri generasi baru negara. Dalam usaha memupuk nilai ketatanegaraan dan jati diri dalam kalangan murid di peringkat sekolah, KPM bukan sahaja menerapkan elemen-elemen tersebut dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, malah turut diterapkan dalam aktiviti luar darjah iaitu ketika menjalankan kegiatan kokurikulum.

Selaras dengan itu, KPM telah melaksana penerapan elemen sivik dan kenegaraan mengikut modul yang telah disediakan kepada semua murid sekolah di seluruh negara. Antara pengisian elemen yang ditekankan adalah Manual Perhimpunan yang dilaksanakan pada setiap minggu semasa perhimpunan mingguan dan Amalan Pendidikan Sivik dalam Kokurikulum yang diperkukuhkan melalui aktiviti kokurikulum pada

setiap minggu. Pelaksanaan bagi sekolah menengah adalah selama 30 minit, manakala bagi sekolah rendah adalah selama 20 minit. KPM juga bekerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) untuk menubuhkan Kelab Rukun Negara di sekolah seluruh negara bagi melaksanakan pelbagai aktiviti berteraskan kepada pengukuhan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan murid.

Selain itu, pelbagai aktiviti kokurikulum seperti program My Rukun Negara, aktiviti Modul Silang Budaya, kem Kelab Rukun Negara, lawatan sambil belajar dan aktiviti khidmat masyarakat di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Manakala di peringkat sekolah rendah, murid-murid didedahkan dengan aktiviti seperti mewujudkan sudut kelab Kelab Rukun Negara, pengenalan Jata Negara dan Negeri, pertandingan lagu patriotik, pertandingan buku skrap tokoh negara, sambutan bulan kemerdekaan dan lawatan ke tempat bersejarah.

Penerapan nilai kenegaraan dan jati diri turut diterapkan melalui program sukan dan aktiviti kokurikulum seperti badan beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan sama ada di peringkat daerah, negeri, kebangsaan serta antarabangsa. Penyertaan murid dalam aktiviti ini tidak terhad kepada golongan tertentu sahaja malah melibatkan pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik. Program-program seperti ini mampu membentuk kesedaran dalam diri individu dan menjadi platform terbaik dalam penerapan nilai perpaduan seperti yang dihasratkan.

Selain daripada itu, program-program yang dijalankan KPM ini juga melibatkan kerjasama semua pihak iaitu Universiti Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), badan-badan bukan Kerajaan (NGO), agensi-agensi Kerajaan dan syarikat swasta. Antara program-program yang dijalankan adalah Kembara Siswa Patriotik, *Gap Year*, *Festival of Colour of the World* (FESCO), Konvensyen Pemimpin Mahasiswa Kebangsaan, *1 World Vocal Singing Competition*, Projek Mural Hari

Sukarelawan Sedunia, Hari Perpaduan dan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu.

Program yang dijalankan ini merangkumi pelbagai aspek seperti patriotisme dan jati diri, perpaduan, kepimpinan, inovasi, sukan, sukarelawan, kebudayaan, kesenian, bahasa dan pengucapan awam yang mampu menerapkan aspek perpaduan dan integrasi nasional. Penyertaan program ini tidak dihadkan kepada satu-satu kaum atau agama sahaja, tetapi terbuka kepada semua pelajar supaya mereka dapat bekerjasama, berinteraksi dan menerima antara satu sama lain.

Selain itu, pelajar juga digalakkan untuk menyertai badan beruniform seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS), Kor Siswa/Siswi Pertahanan Awam (Kor Sispas) dan Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM) dilihat mampu memperkukuhkan lagi nilai-nilai patriotisme dan jati diri pelajar. Menyedari akan keperluan pemantauan dan pemantapan nilai ketatanegaraan di kalangan pelajar, pihak kementerian telah membangunkan Indeks Patriotisme dan Perpaduan Nasional (iPPN). iPPN bertujuan untuk mengukur tahap patriotisme dan perpaduan dalam kalangan pelajar IPT melalui 2 instrumen penilaian iaitu penilaian sendiri dan rubrik penaksiran. Sepanjang tempoh pengajian, pihak universiti akan mengadakan program intervensi bagi membantu meningkatkan tahap patriotisme dan perpaduan, manakala penilaian turut dibuat secara bersemuka menggunakan rubrik penaksiran.

Pengukuran Indeks Patriotisme dan Perpaduan Nasional ini dapat memberi gambaran tahap patriotisme dan perpaduan khususnya dalam kalangan pelajar dan seterusnya dapat menjadi petunjuk kepada kementerian ini dalam merangka program yang bersesuaian. Diharapkan dengan pelaksanaan program dan aktiviti yang telah dinyatakan, kementerian dapat membantu Negara dalam menyemai, menyubur, mempertingkatkan seterusnya melahirkan pelajar yang mempunyai identiti nasional dan nilai ketatanegaraan yang tinggi.